

## KERIS: MENGENAL ASAL-USUL, FALSAFAH DAN FUNGSI

(*Keris: Origin, Philosophy and Function*)

NOR AFIAN YUSOF\*, MAHARAM MAMAT, LIM KAR KENG & HAMDZUN HARON

### ABSTRAK

*Keris bukanlah budaya yang asing dalam masyarakat Melayu Nusantara kerana ia mempunyai simbolik kepada konsep ketuanan dan kedaulatan bangsa Melayu sejak dahulu lagi. Keris dikenali sebagai salah satu daripada alat persenjataan orang Melayu selain tombak, pedang, badik, kelewang, kerambit dan sebagainya lagi. Ia adalah sebuah senjata yang telah diangkat martabatnya ke kedudukan paling tinggi dalam ketamadunan Melayu melebihi senjata lain kerana fungsi, ketinggian falsafah dan nilai seni estetiknya. Kajian ini bertujuan mendalamai tentang sejarah asal usul, falsafah dan fungsi keris yang terdapat di alam Melayu. Artikel ini juga turut membincangkan tentang latar belakang keris, jenis-jenis keris, bahagian-bahagian keris dan falsafah di sebalik fungsi dan peranan tersebut sebagai sebahagian daripada cara untuk mengenali peradaban, dan susur galur asal usul budaya bangsa yang bertamadun ini. Fungsi keris telah banyak mengalami perubahan, dari penciptaan asal sebagai senjata, kemudian berubah menjadi barang keramat, pusaka yang dipuja, lambang ikatan keluarga, tanda jasa, tanda pangkat atau darjah, sehingga menjadi sebagai barang seni dan cenderamata. Semua ini tersimpul pelbagai falsafah dan nilai peradaban dan ketamadunan bangsa Melayu yang tinggi. Keunikan keris diperjelaskan dalam bentuk fizikal dan non-fizikal oleh pandai besi atau empu yang menciptanya. Frey (2010) menyatakan keris adalah lambang budaya yang terpenting bagi masyarakat Melayu. Sebagai sebuah lambang budaya yang terpenting, ia juga mempamerkan maruah dan status bangsa Melayu itu sendiri sebagai bangsa yang bertamadun dan berperadaban. Orang lelaki tidak akan keluar tanpa berkeris, kerana ia dianggap seperti bertelanjang. Teras dan fungsi keris masih lagi sama walaupun mempunyai perbezaan dari pelbagai bentuk rupa dan gaya kerana pemisahan dan perbezaan antara sempadan lokasi, suku kaum dan etnik. Secara umumnya, keris bukanlah semata-mata menjadi senjata mahupun sebahagian daripada busana, tetapi fungsinya lebih besar daripada itu. Ia menjadi lambang jati diri orang Melayu.*

*Kata kunci:* Keris; Melayu; Falsafah; budaya Melayu; Pandai besi

### ABSTRACT

*Keris is not a foreign culture in the Malay Archipelago because it has long been associated with the Malay concept of supremacy and sovereignty. Keris is known as one of the weapons of the Malays, along with *tombak*, *pedang*, *badik*, *kelewang*, *kerambit*, and so on. It is a weapon that has been elevated to the highest position in Malay civilization above other weapons due to its function, the height of philosophy, and the value of aesthetic art. This study aims to delve into the history*

of the origin, philosophy, and function of the *keris* found in the Malay realm. This article also discusses the background of the *keris*, the types of *keris*, the parts of the *keris*, the philosophy behind their function and role as part of the way to recognise civilization, and the lineage origin of this civilised nation's culture. The function of *keris* has undergone many changes, from its original creation as a weapon, then transformed into a sacred item, a revered heirloom, a symbol of family ties, a sign of merit, a sign of position, or rank, until it became an art object and a souvenir. All of this is summed up in the Malay race's various philosophies and high values of civilization and civilization. The uniqueness of *keris* is explained in physical and non-physical formed by the blacksmith or master who created it. Frey (2010) stated that the *keris* is the most important cultural symbol for the Malay community. As an important cultural symbol, it also displays the dignity and status of the Malay race itself as a civilized nation. Men will not go out without a *keris* because it is considered to be naked. The core and function of the *keris* are still the same, even though it has different forms and styles due to the separation and differences between the boundaries of location, tribe, and ethnicity. In general, the *keris* is not merely a weapon or a part of fashion; its function is greater than that. It became a symbol of Malay identity.

*Keywords:* *Keris; Malays; Philosophy; Cultures; Blacksmith*

## PENGENALAN

Keris sinonim dengan masyarakat Melayu dan tidak boleh dipisahkan dari adat dan kebudayaan masyarakat Melayu. Jika dilihat dari segi struktur bentuk rekaannya, ia bolehlah dikatakan sebagai senjata pendek bermata tiga yang digunakan sebagai alat untuk mempertahankan diri yang boleh membunuh secara menikam atau menghiris. Jika dahulu, senjata yang terkenal di dunia Melayu nusantara ini dilihat sebagai pelengkap kepada banyak seni mempertahankan diri seperti silat, namun kini fungsi asal senjata ini telah bertukar daripada alat mempertahankan diri kepada lambang atau simbol peradaban masyarakat Melayu. Menurut Helmi (2019) keris ialah satu warisan bangsa yang harus dikenang sebagai lambang ketamadunan bangsa Melayu. Ia telah menjadi bukti ilmu sains dan teknologi orang Melayu pada ketika itu telah mendahului zamannya.

Senjata yang telah menjadi barang yang dianggap klasik dan antik ini kini hanya menjadi simbol dalam banyak adat istiadat budaya Melayu. Fungsinya mungkin telah berubah tetapi nilai dan keasliannya tetap tidak pernah berubah malah semakin meningkat walaupun kian ditelan zaman. Namun disebalik kekuatan legenda dan nilai falsafahnya yang tinggi, mungkin ramai dari generasi muda yang tidak mengenalinya dengan lebih dekat. Mungkin ada yang hanya mengenalinya secara luaran dan bentuk fizikalnya sahaja. Mungkin juga ada yang langsung tidak mengenalinya. Namun ada juga satu golongan yang amat fanatik dan begitu teruja dengan keunikan senjata pendek warisan bangsa ini.

Dahulu keris pernah menjadi teman setia kepada setiap orang lelaki Melayu terutamanya. Keris akan dibawa berjalan ke mana sahaja dengan disisip kemas di pinggang. Keris juga sebagai lambang kepada kepahlawanan Melayu yang gagah berani. Dalam Hikayat Melayu dan Hikayat Hang Tuah, Taming Sari adalah keris yang cukup dikagumi dan dikaitkan dengan kisah kepahlawanan Hang Tuah. Malah, ia merupakan senjata keramat yang suatu ketika dahulu dikaitkan dengan pelbagai unsur mistik (Nurul Fadzlin Mohd Asri & Sharil Nizam Sha'ri 2019).

Menurut Al-Mudra (2004), sebagai artifak budaya, keris adalah warisan khas kebudayaan Nusantara dan juga Melayu. Oleh demikian, lazimnya keris sering dipakai oleh masyarakat di kepulauan Riau, Bugis, Jawa dan Bali sebagai pelengkap busana. Pada pandangan Woolley (1998),

seiring dengan peredaran waktu, budaya berkeris ini kemudiannya telah tersebar ke pelusuk negara Asia Tenggara yang lain di mana wujudnya kebudayaan Melayu seperti di Malaysia, Singapura, Selatan Thailand, Brunei dan juga Selatan Filipina.

Sementara, Khamis Mohamad, Nik Hassan Shuhaimi & Abdul Latif (2012) dan Abdul Mua'ti @ Zamri Ahmad (2017) menyatakan bahawa keris sebagai satu daripada pelbagai alat persenjataan bangsa Melayu selain pedang, tombak, lembing, parang, golok, badik, sewar, kelewang, kerambit dan sebagainya. Walaupun alat persenjataan Melayu mempunyai pelbagai jenis dan kegunaannya, keris tetap dianggap artifak istimewa dan dimartabatkan dalam dimensi kehidupan bangsa Melayu. Hanya bangsa Melayu sahaja yang menggunakan keris. Masyarakat Melayu menganggap keris sebagai azimat, manakala masyarakat Jawa pula memanggil keris sebagai tosan aji yang bermaksud senjata yang mempunyai kuasa ajaib serta memberikan kepercayaan dan keyakinan diri dalam meraih nasib baik dan keberuntungan, terlindung dan selamat untuk pemiliknya. Manakala masyarakat Bugis pula mengatakan keris sebagai polo bessi yang bermaksud senjata pusaka atau besi mulia dan bernilai.

Artikel ini mengandungi maklumat berkaitan sejarah dan asal usul keris, jenis-jenis keris yang terdapat di alam Melayu, struktur pembahagian dan nilai-nilai falsafah yang terkandung di sebalik pembuatan dan penggunaan keris. Ia merupakan satu artikel yang mengajak pembaca untuk mengenal diri dan memperkasakan jati diri bangsa. Mempertingkatkan jati diri bermakna mengenali asal usul, adat resam dan budaya sendiri yang mendasari seluruh kehidupan pada masa lalu. Keris adalah objek yang telah menjadi adat, budaya dan pusaka masyarakat Melayu sejak sekian lama dan merupakan maruah bangsa yang telah diangkat martabatnya ke tempat paling tinggi dalam sejarah peradaban dan ketamadunan bangsa Melayu. Pemakaian keris ini suatu ketika dahulu adalah perkara yang wajib bagi setiap orang Melayu. Keluar tanpa berkeris diumpamakan sebagai seseorang yang keluar dalam keadaan bertelanjang. Begitulah pentingnya keris dalam nilai kehidupan masyarakat Melayu pada ketika itu.

## OBJEKTIF KAJIAN

Artikel ini memenuhi objektif kajian seperti berikut:

1. Membincangkan tentang sejarah, latar belakang dan asal-usul keris, jenis dan bahagian-bahagian yang terdapat pada sesebuah keris,
2. Menghuraikan tentang fungsi, peranan dan falsafah disebalik pembuatan keris yang terdapat di alam Melayu. Ia sekaligus sebagai sebahagian daripada cara untuk mengenali peradaban, susur galur dan asal usul budaya bangsa Melayu.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah deskriptif melalui kajian perpustakaan yang lebih bercirikan kajian berbentuk etnografi sebagai satu bentuk metodologi. Menurut Sabitha Marican (2005), kajian etnografi adalah kajian berbentuk penjelasan bertulis mengenai sesuatu budaya berkaitan dengan adat, kepercayaan, tingkah laku berdasarkan maklumat yang dikumpul dari kerja lapangan. Ia adalah kajian deskriptif ke atas budaya, sub budaya, institusi atau kumpulan sesebuah masyarakat. Creswell (2005) berpendapat bahawa etnografi adalah bentuk kajian kualitatif yang menerangkan, menganalisa dan menginterpretasi bentuk-bentuk budaya sesuatu kumpulan. Kostera dan Harding (2021) pula mendefiniskan etnografi sebagai kajian yang dibuat terhadap sesuatu masyarakat yang berkaitan dengan cara hidup dan budaya. Justeru, dalam artikel ini data

kajian akan dikumpul bersandarkan penelitian dan pembacaan bahan-bahan ilmiah daripada perpustakaan maupun laman web yang boleh dipercayai sumbernya. Proses mendapatkan maklumat tertumpu pada pembacaan dan rujukan daripada buku-buku, jurnal-jurnal, makalah-makalah serta artikel-artikel tentang keris.

## PENGERTIAN KERIS

Shahrum Yub (1991) menjelaskan bahawa secara umumnya, keris adalah senjata tajam yang digunakan sebagai alat mempertahankan diri terutama dalam masyarakat Melayu pada zaman dahulu. Dedi Arman (2014) dan Al-Mudra (2009) berpendapat keris adalah sejenis senjata, sekaligus karya seni yang bernilai tinggi walaupun fungsinya sering berubah: menjadi senjata, kemudian menjadi objek keramat, pusaka yang dipuja, lambang ikatan keluarga, tanda jasa, tanda pangkat atau pengaruh, kemudian bertukar menjadi barang seni dan cenderamata. Nilai sebilah keris terletak pada keindahan bentuk, bahan yang dipakai dan proses pembuatannya yang memerlukan waktu yang lama, ketekunan dan keterampilan yang khusus.

Menurut kamus dewan edisi empat (1999), keris didefinisikan sebagai senjata bermata dua yang tajam dan bilahnya berbentuk lurus ataupun berkelok-kelok. Harsrinuksmo (2004), seorang pakar keris dan penulis kepada dua buah ensiklopedia dan enam buah buku menyatakan terdapat kriteria tertentu perlu dipenuhi bagi mematuhi ciri-ciri sebilah keris, iaitu:

- i. Keris harus terdiri dari dua bahagian utama, iaitu bahagian bilah keris (termasuk pesi) dan bahagian ganja.
- ii. Bilah keris harus menentukan sudut tertentu ganja. Kedudukan bilah keris perlu serong dan condong, bukan tegak lurus. Ini adalah lambang kepada sifat orang Jawa dan rumpun Nusantara lainnya; walau sebesar manapun pangkat dan kedudukannya, seseorang itu seharusnya sentiasa tunduk dan hormat.
- iii. Lazimnya, ukuran panjang bilah keris adalah antara 33 hingga 38 cm. Terdapat beberapa keris luar Jawa mempunyai kepanjangan sehingga 58 cm. Keris buatan Selatan Filipina yang dipanggil sundang panjangnya boleh mencapai 64 cm. Keris pendek adalah keris Buda. Keris buatan Nyi Sombro Pajajaran, hanya mempunyai kukuran Panjang sekitar 16 hingga 18 cm sahaja. Walau bagaimanapun, keris yang dibuat dengan saiz amat kecil dan pendek daripada itu tidak boleh diklasifikasikan sebagai keris, melainkan ia adalah azimat yang mirip kepada keris.
- iv. Keris yang baik harus dibuat dan ditempa dari tiga macam logam, paling minimum dua jenis iaitu besi, baja dan bahan pamor. Namun keris-keris tua seperti keris Buda tidak menggunakan baja dalam pembuatannya.

Menurut Hanif Ibrahim (2017) keris sifatnya mesti berluk. Luk pada keris berangka ganjil. Keris lurus juga disebut sebagai keris berluk satu. Bilangan luk keris seterusnya adalah luk tiga, luk lima, luk tujuh, luk sembilan, luk sebelas, luk tiga belas dan ke atas. Setiap luk pada keris membawa erti dan falsafah yang berlainan. Walaupun terdapat beberapa kriteria lain yang boleh diambil kira sebagai pelengkap kepada keris seperti sarung, hulu serta bentuk-bentuk bilahnya namun hanya empat kriteria yang tertera tadi sebenarnya sudah cukup menggambarkan fizikal dan sifat keris. Menurut Harsrinuksmo (2004), artifak yang menyerupai bentuk keris tetapi diperbuat daripada logam lain seperti tembaga, perak maupun emas tidak dikategorikan sebagai keris. Begitu juga dengan keris yang dibuat tanpa melalui proses penempaan. Walaupun dibuat daripada


besi, ia juga tidak dikategorikan sebagai keris tetapi tanpa proses menemba, ia hanya menjadi alat hiasan sahaja yang dipanggil sebagai keris-kerisan.

## SEJARAH DAN LATAR BELAKANG KERIS

Menurut Miksic dan Tranchini (1990) keris berasal daripada Kepulauan Jawa dan telah menyebar ke seluruh Nusantara. Ianya telah dikenali sejak abad ke-9 lagi dan dibuktikan dengan gambaran ukiran yang terdapat di Candi Borobudur. Kempers (1954) menyatakan bahawa munculnya tradisi pembuatan keris di Nusantara dipengaruhi kebudayaan perunggu yang berkembang di Dongson, Vietnam, sekitar abad ke-3 masihi. Menurut Kempers (1954) lagi, keris adalah lanjutan daripada inovasi yang dilakukan terhadap senjata tikam/penusuk pada zaman perunggu. Senjata tikam pada zaman itu berbentuk menyerupai manusia berdiri pada gagangnya, yang menyatu dengan bilahnya (Harsrinuksmo 2004).

Menurut Al-Mudra (2009), ukiran yang ditemui di candi-candi di Kepulauan Jawa membuktikan keris sudah dikenali orang Jawa sejak abad ke-5 masihi lagi. Pada ukiran batu yang terdapat di Desa Dakuwu, Grabag, Magelang, Jawa Tengah, ditemui relief yang menggambarkan tentang peralatan besi. Ukiran tersebut dibuat sekitar tahun 500M seperti yang tertulis dalam huruf Pallawa yang menggunakan bahasa Sanskrit. Pada ukiran tersebut juga jelas menyatakan terdapatnya sebuah mata air yang bersih dan jernih. Selain itu, terdapat juga peralatan yang digunakan masyarakat pada zaman tersebut berbentuk senjata seperti trisula, kapak, sabit, kudi dan belati yang bentuknya seakan mirip dengan bentuk keris.

Apabila pengaruh kebudayaan India mulai memasuki Nusantara sekitar abad ke-5M, ia membawa Bersama-sama teknologi menemba logam. Gambaran ini dapat dilihat pada relief candi-candi di Kepulauan Jawa, terutamanya candi Borobudur dan candi Prambanan. Pada relief tersebut terdapat senjata tikam yang menyerupai lembaran daun yang dikatakan model senjata tikam yang telah berkembang lebih dahulu di India. Senjata ini dikenali sebagai Keris Buda dan dianggap sebagai prototaip kepada keris (Al-Mudra 2009).



Visual 1: Keris Buda yang dijumpai sekitar kurun ke 10 masihi.  
Sumber: Karsten S.J. (1998)

Keris Buda bersifat pendek, bermata lurus dan agak tebal. Kebanyakannya dijumpai pada patung-patung ukiran pahlawan pada candi-candi yang terdapat di Indonesia. Visual 1 yang dipaparkan merupakan antara contoh dua bilah keris Buda yang dijumpai di Malang berdekatan dengan Singgaraja dan Janggala di Jawa Timur. Kedua-dua keris ini dipercayai dihasilkan pada kurun ke-10 masihhi (Karsten Seir Jensen 1998).

Menurut Gardner (1936), keris berasal dari senjata zaman prasejarah yang dibuat daripada tulang binatang. Harsrinuksmo (1988) dalam Ensiklopedi budaya nasional: Keris dan senjata tradisional Indonesia telah memetic pendapat Griffith Wilkens (1937) yang menyatakan bahawa keris ialah satu budaya baharu yang diambil dari pertengahan kurun ke-14 atau 15 masihhi. Ia merupakan kesinambungan daripada senjata berbentuk lembing yang digunakan oleh manusia primitif di kepulauan Australia jika dilihat dari bentuk fizikalnya yang lebih mirip kepada bentuk asal keris proto. Dalam ensiklopedia yang sama, Kempers (1954) berpendapat bahawa keris telah berkembang menjadi senjata penusuk yang lahir dari zaman perunggu berdasarkan bahagian hulu keris yang berbentuk patung kecil. Senjata itu juga hampir serupa bentuknya dengan senjata pendek yang digunakan dalam kebudayaan Dong-son.

Raffles dalam bukunya *The History of Java* (2008) menyatakan bahawa tidak kurang daripada 30 jenis senjata yang telah digunakan oleh tentera Majapahit. Keris didapati menduduki tempat tertinggi dari segi penggunaannya sebagai senjata semasa perang. Van Der Lith dalam Harsrinuksmo (2004) menyatakan bahawa sebilah senjata berbentuk keris lama telah dijumpai sewaktu operasi mencari dan membongkar artifak di Candi Borobudur. Namun begitu, rupa bentuk senjata ini tidak serupa dengan keris yang terdapat pada ukiran patung pada candi tersebut. Badan keris tersebut bercantum dengan hulu keris dan ia kini disimpan di Muzium Etnografi di Leiden, Belanda. Ini telah menguatkan bukti bahawa keris memang berasal dari Tanah Jawa dan telah berusia lebih seribu tahun.

Seorang pengembara China, Ma Huan telah membuat catatan pengalaman beliau sewaktu Bersama-sama rombongan laksamana Cheng Ho ke Majapahit. Beliau menyatakan bahawa keris telah menjadi sebahagian daripada adat dan budaya masyarakat Jawa pada ketika tersebut apabila melihat hampir kesemua lelaki di Majapahit memakai keris di badan mereka. Paparan pengalaman ini menunjukkan bahawa keris memang berasal dari Tanah Jawa, kemudian mencapai evolusi dengan berkembang ke seluruh pelusuk Nusantara termasuk Tanah Melayu. Tanah Melayu juga tidak terlepas dari menerima pengaruh bendawi keris ini. Hubungan perdagangan yang pesat berlaku di alam Melayu pada ketika tersebut, kekuasaan kerajaan Majapahit dan hubungan yang erat antara negeri-negeri di alam Melayu telah mempengaruhi struktur kebudayaan dan kesenian di rantau Nusantara pada ketika tersebut. Menurut Woolley (1998), keris menjadi mata wang atau pertukaran mata wang asing bagi kegiatan perdagangan di Nusantara, maka tidak hairanlah bahawa keris terus berkembang ke budaya dan etnik lain di sekitar gugusan Nusantara yang lain.

Sejarawan Nusantara, Suwarsono Lumintu dalam Harsrinuksmo (2004) tidak bersetuju dan menyangkal dakwaan dan teori para sarjana Barat yang menafikan asal-usul keris dari Majapahit. Terdapat banyak buku tulisan sarjana Barat menyebut bahawa keris adalah salah satu senjata tikam seperti belati, sangkur dan sebagainya. Teori ini tidak tepat dan boleh disangkal kerana keris tidak sama dengan belati dari segi tujuan asal penciptaannya untuk melukai dan membunuh. Keris dihasilkan bukan sahaja sebagai senjata yang tajam tetapi menjadi pusaka yang dipercayai dapat melindungi dan memberi kesejahteraan kepada si pemilik.



Visual 2: Keris Malela Semenanjung dengan Hulu dan Sampir Kelantan

Koleksi Alwi Yusof.

Sumber: Zakaria Abdullah (2007)

Secara keseluruhan dapat disimpulkan bahawa keris bukanlah berfungsi sebagai senjata membunuh seperti senjata-senjata lain semata-mata, tetapi ia telah diangkat ke satu darjah yang lebih tinggi dalam nilai kehidupan masyarakat Nusantara. Fakta sebenarnya keris sememangnya berasal dari Tanah Jawa sekitar abad ke-5 atau ke-6 masih tetapi mempunyai variasi reka corak dan bentuk yang berlainan berbanding dengan apa yang dapat dilihat kini. Evolusi dalam penciptaan keris mewujudkan bentuknya seperti yang dapat lihat sekarang berlandaskan bentuk yang terdapat pada abad ke-12 atau 13 masih dahulu. Zaman ini merupakan kemuncak kegemilangan Alam Melayu terutama zaman kerajaan Majapahit. Pengaruh budaya tempatan disebarluaskan ke segenap alam Melayu seperti Palembang, Riau, Tanah Melayu, Brunei, Selatan Filipina, Kemboja dan Pattani. Namun, budaya keris sering kali disalah ertikan oleh ramai pengkaji Barat sehingga hasil tulisan mereka kadang kala tidak sesuai dengan alam budaya Nusantara. Menurut Abdul Mua'ti @ Zamri Ahmad (2015), rupa bentuk keris yang bersifat lurus atau bengkok terjadi akibat proses evolusi penciptaan keris itu sendiri seiring dengan peredaran masa. Justeru, rupa bentuk keris Melayu Semenanjung turut berlaku perubahan sedikit demi sedikit mengikut ragam dan cita rasa masyarakat setempat. Namun, fungsi dan kegunaan keris masih dikekalkan sebagai alat senjata, alat kebesaran, menjadi pelengkap busana, alat perdukunan, alat menjalankan hukuman, simbol maruah, dan sebagai lambang kuasa atau autoriti dalam masyarakat Melayu.

Dari sudut geografi, pengaruh keris meliputi kawasan Patani di Selatan Thailand, Semenanjung Malaysia, Pulau Jawa, Pulau Bali dan Lombok, Sumatera, Sulawesi dan sehingga ke Selatan Filipina. Oleh itu, penjenamaan klasifikasi keris boleh dirangkumi sebagai Keris Patani, Keris Semenanjung, Keris Jawa, Keris Sumatera/Minang, Keris Bali/Lombok, Keris Bugis dan Keris Sundang/Sulok. Walaupun begitu, terdapat perbezaan pada setiap keris yang dihasilkan ini berdasarkan wilayah dan negeri keris tersebut dihasilkan. Perbezaan ini kelihatan lebih ketara pada bahagian hulu dan sarung (Abdul Mua'ti @ Zamri Ahmad, 2017). Khamis Mohamad, Nik Hassan Shuhaimi & Abdul Latif (2012) mengkategorikan keris berdasarkan lokasi geografi seperti berikut;

Jadual 1: Kategori Keris yang terdapat di Alam Melayu

KATEGORI KERIS	KAWASAN/ GEOGRAFI	CIRI-CIRI
Keris Patani	Patani, Selatan Thailand	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Dicipta sejak zaman Kesultanan Melayu Patani.</li> <li>• Saiznya besar, kuat dan kukuh.</li> <li>• Digunakan sebagai senjata untuk mempertahankan kesultanan mereka daripada serangan musuh (Siam).</li> <li>• Teknik penempaanya agak ringkas dan tidak banyak menonjolkan bentuk pamor yang cantik.</li> <li>• Hulu keris mempamerkan bentuk yang cukup menarik dan halus.</li> <li>• Keris Patani mudah dikenali dengan hulunya yang disebut sebagai Hulu Pekaka.</li> <li>• Hulu Pekaka juga dikenali dengan pelbagai nama mengikut daerah seperti Hulu Coteng, Hulu Bangsa Agong dan Hulu Tajong.</li> <li>• Ukiran pada Hulu Pekaka boleh dikenali dengan ukirannya; Hulu Coteng terkenal dengan ukiran berbentuk dewa, ukiran Hulu Bangsa Agong terdapat pengaruh Hindu-Buddha dan ukiran Hulu Tajong berfalsafahkan keislaman dengan motif bunga dan tumbuh-tumbuhan.</li> </ul>
Keris Semenanjung	Semenanjung Malaysia	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bentuknya menerusi pembuatan keris yang dikenali sebagai ‘tempa Melaka’ yang berpandukan kepada zaman Kesultanan Melayu Melaka.</li> <li>• Panjang bilah keris antara 10-12 inci, berbentuk luk dan lurus.</li> <li>• Berbentuk Jawa Demam, Ayam Teleng dan Patah Tiga.</li> <li>• Pada zaman Kesultanan Melayu Melaka, hanya keris yang berhulu Jawa Demam dan Pekaka sahaja dibenarkan masuk ke dalam perkarangan istana. Keris ini adalah keris istiadat dan beradab.</li> <li>• keris berhulukan Ayam Teleng dan Patah Tiga dihalang memasuki kawasan istana kerana penciptaan kedua-dua jenis keris ini sebagai senjata dalam pertikaman.</li> </ul>
Keris Jawa	Kepulauan Jawa	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Masyarakat Jawa dikenali mempunyai falsafah dan etika pembuatan keris yang paling rumit dan terperinci.</li> <li>• Keris dicipta dengan pelbagai falsafah yang dikaitkan dengan situasi kehidupan harian. Struktur, bentuk bilah, ricikan dan pelbagai jenis pamor keris berdasarkan pengaruh alam semulajadi dan unsur mistik.</li> <li>• Hanya keris dengan sampir ladrang sahaja yang dibenarkan memasuki istana kerana ia adalah keris istiadat untuk mengadap Raja.</li> </ul>

		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Keris yang bersampir gayaman dilarang masuk ke istana kerana keris tersebut digunakan untuk pertikaman atau pertarungan.</li> </ul>
Keris Sumatera	Kepulauan Sumatera, Minangkabau, Indonesia	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tidak banyak beza dengan Keris Semenanjung dan Keris Bugis, khususnya pada bahagian sampir dan hulu keris.</li> <li>• Namun begitu, Keris Panjang masyarakat Minangkabau ini terkenal kerana fungsinya sebagai keris hukuman.</li> <li>• Keris Panjang ini dicipta untuk membunuh pesalah atau penjenayah yang dijatuhi hukuman mati</li> <li>• Pesalah akan diikat, didudukkan dan keris diletakkan di bahu kiri sebelum dibenamkan ke tubuhnya.</li> <li>• Keris hukuman ini juga dikenali sebagai Keris Penyalang.</li> </ul>
Keris Bali	Kepulauan Bali, Indonesia	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bersaiz besar, panjang dan lebar berbanding Keris Semenanjung, Keris Minang, Keris Jawa ataupun Keris Bugis.</li> <li>• Masyarakat Bali menganggap keris sebagai objek suci, disembah dan didewakan dengan ritual-ritual tertentu.</li> <li>• Keris Bali digunakan dengan cara menusuk, bukannya menikam seperti keris-keris lain.</li> <li>• Terdapat persamaan antara Keris Bali dan Keris Lombok dari segi saiz dan bentuk, tetapi keris Lombok mendapat pengaruh Islam daripada aspek pembuatan dan hiasan.</li> </ul>
Keris Bugis	Kawasan Selatan Sulawesi hingga ke Semenanjung Malaysia, Selatan Sumatera dan kepulauan Riau-Lingga.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mempunyai pengaruh yang kuat dan besar dalam budaya masyarakat Melayu, dapat dilihat daripada rupa reka bentuk sampir dan hulu kerisnya.</li> <li>• Keris Bugis ditempa lebih tebal dan berat</li> <li>• Digunakan untuk mempertahankan diri dan pertikaman.</li> <li>• Pamor pada keris Bugis biasanya cantik dengan hiasan yang dinamakan tuli-tuli dan banir yang menunjukkan status sosial pemiliknya.</li> </ul>
Keris Sundang/Sulok	Semenanjung Tanah Melayu, Borneo, Filipina, Sulawesi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Falsafah pembuatan keris Sundang untuk menetak, memotong dan melibas tali kapal.</li> <li>• Sifat keris Sundang berbilah tebal, lebar dan berat.</li> <li>• Digunakan oleh masyarakat Sulu yang terkenal sebagai pelayar di laut.</li> <li>• Digunakan dalam medan perperangan dan juga diangkat sebagai alat kebesaran diraja.</li> </ul>

(Sumber: Ubahsuai dari Khamis Mohamad, Nik Hassan Shuhaimi & Abdul Latif 2012)

## JENIS-JENIS KERIS

Keris telah menjadi satu budaya kepada keseluruhan masyarakat Nusantara yang meliputi pelbagai kerajaan dan suku kaum suatu masa dahulu. Ia turut berkembang sealiran dengan resam budaya masyarakat setempat walaupun ia sebenarnya berasal dari Kepulauan Jawa (Harsrinuksmo 2004). Revolusi ini memperlihatkan pelbagai jenis dan gaya keris yang boleh kita lihat pada hari ini, bersesuaian dengan faktor geografi dan masyarakatnya. Berikut adalah beberapa jenis keris yang popular di alam Melayu, antaranya ialah:

Jadual 2: Jenis-jenis keris di alam Melayu

JENIS KERIS	KETERANGAN	RUJUKAN
Keris Sepukal	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bentuk lurus dan tidak berluk. Dikenali sebagai Keris Ganja Seiras. Keris ini ditempa dari besi yang satu.</li> <li>• Di Sumatera dikenali sebagai Sempena Bisu dan mengalami pelbagai variasi bentuk dapur dan ukuran.</li> </ul>	Kamus Dewan Edisi Empat, 2005  Yuwono, 2012
Keris Panjang	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Dikenali sebagai Keris Alang, keris hukum, keris penyalang ataupun keris kuasa.</li> <li>• Panjang bilah antara 19 hingga 27 inci bagi keris yang berbilah lurus.</li> <li>• Keris berluk mempunyai hingga melebihi 20 luk.</li> <li>• Digunakan untuk menghukum pesalah atau penjenayah dengan menusuknya dari bahu sehingga ke jantung.</li> <li>• Menjadi lambang kuasa.</li> </ul>	Abdul Mua'ti @ Zamri Ahmad, 2015  Nurul Fadzlin Mohd Asri & Sharil Nizam Sha'ri, 2019
Keris Anak Alang	<ul style="list-style-type: none"> <li>• berbentuk lurus dan pendek.</li> <li>• panjang bilahnya sekitar 12-17 inci.</li> <li>• berfungsi sebagai keris hukuman atau keris kuasa dan bukan untuk bertarung.</li> <li>• ditempa daripada besi sebatang yang menggunakan campuran besi berpamor.</li> <li>• Justeru pamor yang berhasil bercorak pamor bulu rusa atau pamor miang buluh.</li> <li>• Masyarakat Minangkabau menamakan sebagai keris Alang Bahari kerana bilah matanya yang lurus.</li> </ul>	Abdul Mua'ti @ Zamri Ahmad, 2015  Nurul Fadzlin Mohd Asri & Sharil Nizam Sha'ri, 2019
Keris Cerita (Charita)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• dikenali juga sebagai keris Pandai Zainal.</li> <li>• Berasal daripada Pantai Timur.</li> <li>• bilahnya berbentuk lurus, terdapat belalai gajah atau akut, bertulang dan berlurah di bahagian depan dan belakang.</li> <li>• Bentuknya beralur dan bertebing, mempunyai kerawang yang jelas dan berduri mengkuang dengan angka tiga.</li> <li>• Mendapat pengaruh dari Pattani.</li> <li>• Bilah keris ini berlurah dalam dan tirus, biasanya pangkal bilah mata bermula selepas ganjar. Alur keris ini sepanjang sepertiga bilah atau kurang, kemudiannya hilang dan diteruskan dengan tulang di tengah mata.</li> <li>• Terdapat pelbagai variasi bergantung kepada daerah bilah tersebut ditempa</li> </ul>	Mohd Noordin Ab. Hamid, 2019  Abdul Mua'ti @ Zamri Ahmad, 2015  Nurul Fadzlin Mohd Asri & Sharil Nizam Sha'ri, 2019
Keris Bugis Semenanjung	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Keris ini merupakan keris Melayu Semenanjung tetapi dipengaruhi oleh bentuk keris Bugis.</li> <li>• Bilahnya bermata lebar dan tegap, berlok dan ada yang lurus.</li> <li>• ditempa daripada campuran beberapa jenis besi dan berpamor. Antara jenis pamornya adalah pamor miang perak, pamor beras tumpah, pamor kulit tembikai, pamor perut ular, pamor biji petai, dan pamor gigi yu.</li> <li>• Keistimewaan keris ini pada matanya yang kelihatan tebal dan berpamor serta bertempek-tempek.</li> </ul>	Abdul Mua'ti @ Zamri Ahmad, 2015  Abdul Mua'ti @ Zamri Ahmad 2017 Nurul Fadzlin Mohd Asri & Sharil Nizam Sha'ri, 2019

Keris Semenanjung	<ul style="list-style-type: none"> <li>• berasal dari zaman Kesultanan Melaka.</li> <li>• ditempa oleh empu-empu di kebanyakan negeri di Semenanjung Malaysia.</li> <li>• Bilahnya mempunyai pengaruh Bugis yang bersifat tegap, tebal, kukuh, dan berat. Bilahnya juga rata, tidak berlurah dan tidak beralur.</li> <li>• Pangkal bilahnya juga lebar dan berluk yang tidak begitu ketara.</li> </ul>	Abdul Mua'ti @ Zamri Ahmad 2015  Nurul Fadzlin Mohd Asri & Sharil Nizam Sha'ri, 2019  Abdul Mua'ti @ Zamri Ahmad, 2017
Keris Picit	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Keris Picit adalah keris yang ditempa dengan memicit dan membentuk besi menggunakan jari.</li> <li>• Keris Picit terbahagi kepada tiga jenis iaitu Keris Picit hulu iras (keris yang bersambung bilah dan hulunya), Keris Picit pendita (keris dengan hulunya berbentuk pendita. bilahnya berlekuk-lekuk seperti dipicit dengan ibu jari), dan Keris Picit hujung puting berlubang (bilah pada hujung putingnya berlubang).</li> <li>• Keris Picit dibuat oleh empu yang mempunyai ilmu kebatinan yang amat tinggi kerana mampu memicit besi yang keras dan panas ibarat memicit tanah liat.</li> <li>• Ilmu memicit besi menggunakan amalan-amalan tertentu seperti zikir mampu melembutkan besi. Penempa besi akan melurut dan memicit besi sambil berzikir. Ilmu dan amalannya sangat tinggi sehingga besi itu mampu menjadi lembut dan ditundukkan mengikut kemahuannya.</li> </ul>	Mua'ti, 2022  Yuwono 2012
Keris Tajung	<ul style="list-style-type: none"> <li>• berasal dari wilayah Patani yang pernah menjadi sebahagian daripada negeri Melayu di utara Semenanjung Malaysia.</li> <li>• Keunikan keris ini terletak pada pakaianya seperti hulu, pendodok, sampir, dan batang serunainya.</li> <li>• Hulunya berbentuk seperti paruh burung yang melentik. Sampirnya berbentuk karakter seperti watak dalam wayang kulit.</li> <li>• Variasi bilah matanya yang berluk, lurus dan berjenis Pandai Saras.</li> <li>• Keris ini merupakan keris kuasa yang sering dibawa oleh sultan dan pembesar-pembesar sebagai tanda kekuasaan.</li> </ul>	Abdul Mua'ti @ Zamri Ahmad 2015  Nurul Fadzlin Mohd Asri & Sharil Nizam Sha'ri, 2019
Keris Choteng	<ul style="list-style-type: none"> <li>• berasal dari negeri-negeri Melayu di utara Semenanjung Malaysia dan usianya lebih tua berbanding keris Tajung.</li> <li>• Reka bentuk hulunya berparuh seperti burung, bersaiz besar dan bentuk sampirnya yang</li> </ul>	Abdul Mua'ti @ Zamri Ahmad 2015  Nurul Fadzlin Mohd Asri & Sharil Nizam Sha'ri, 2019
Keris Debek	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Keris Debek berasal dari negeri Kelantan.</li> <li>• Debek dalam bahasa Kelantan bermaksud tidak sempurna atau tidak cantik.</li> <li>• Menurut sejarah, keris ini ditempa secara tergesa-gesa ketika musuh sedang menyerang. Proses pembuatannya pula dilakukan di luar kota.</li> <li>• Ketergesaan tersebut dapat dilihat pada bahagian mata bilah keris tidak sempat dikikir atau diasah dengan sempurna.</li> </ul>	Abdul Mua'ti @ Zamri Ahmad 2015  Nurul Fadzlin Mohd Asri & Sharil Nizam Sha'ri, 2019


	<ul style="list-style-type: none"> <li>Keris ini bersifat asas sahaja tetapi memiliki ciri-ciri sebilah keris.</li> </ul>	
Keris Melela	<ul style="list-style-type: none"> <li>Berasal dari wilayah Pattani dan Kelantan.</li> <li>Di Trengganu, keris Melela juga dikenali sebagai keris Gelugur</li> <li>Ditempa menggunakan besi sebatang.</li> <li>Berwarna gelap, menampakkan lurah-lurah tempaannya yang bersifat kuat dan kukuh.</li> <li>Bilah berluk dan terdapat belalai gajah, bertulang dan berlurah bahagian depan belakang. Ada alur dan bertebing, berkerawang dengan duri mengkuang angka tiga.</li> </ul>	Mohd Noordin Ab. Hamid 2019 Nurul Fadzlin Mohd Asri & Sharil Nizam Sha'ri, 2019 Abdul Mua'ti @ Zamri Ahmad, 2017
Keris Pandai Saras	<ul style="list-style-type: none"> <li>Keris Pandai Saras diambil daripada nama empu keris berasal dari Tanah Jawa yang berhijrah ke Pattani pada abad ke-17.</li> <li>Bentuk keris ini lurus dan berluk, sederhana diumbinya dan perlahan-lahan mengecil ke hujung bilah.</li> <li>Bertulang di tengahnya, terdapat belalai gajah dan berkerawang duri mengkuang dengan angka tiga.</li> <li>Tulang tengah ini menyebabkan keratan bilah kelihatan seperti berlian.</li> <li>Berlurah jarum sepucuk.</li> <li>Hujung tuntungnya tirus dan tajam.</li> <li>Keris ini juga dikenali sebagai Pandai Saraf. Variasi nama keris berlaku kerana terdapat perbezaan dialek pantai timur Semenanjung Malaysia.</li> <li>Bilahnya dihasilkan daripada besi campuran, jadi bilah matanya ada yang berpamor dan ada yang tidak.</li> </ul>	Abdul Mua'ti @ Zamri Ahmad, 2015 Abdul Mua'ti @ Zamri Ahmad, 2017 Khamis Mohamad, Nik Hassan Shuhaimi & Abdul Latif, 2012 Mohd Noordin Ab. Hamid 2019 Nurul Fadzlin Mohd Asri & Sharil Nizam Sha'ri, 2019
Keris Beko	<ul style="list-style-type: none"> <li>Dikenali juga sebagai Beka.</li> <li>Mempunyai bilah mata yang lebar seakan-akan buah beka.</li> <li>Turut dikenali sebagai keris lidah.</li> <li>Tidak digunakan untuk pertarungan tetapi menjadi simbolik kepada golongan yang berilmu (guru).</li> <li>Jadi, bilah keris ini tidak tajam, ada yang berbilah bulat.</li> </ul>	Abdul Mua'ti @ Zamri Ahmad 2015 Abdul Mua'ti @ Zamri Ahmad 2017
Keris Tok Chu	<ul style="list-style-type: none"> <li>Berasal dari Palekbang, Kelantan pada akhir abad ke-18 apabila Kelantan keluar daripada Persekutuan Pattani Besar.</li> <li>Dihasilkan oleh seorang empu bernama Tok Chu yang muncul sewaktu pemerintahan Long Yunus (1763-1798).</li> <li>Beliau hebat dalam bidang perkerisan, tukang besi yang mahir, dan tinggi ilmu persilatan dan ilmu agama.</li> <li>Beliau juga tukang keris diraja yang sering menghasilkan keris untuk kegunaan istana.</li> <li>Keunikan keris Tok Chu dapat dilihat daripada bentuk yang unik dan tersendiri</li> <li>Ciri keris Tok Chu: bilahnya mempunyai tulang, berlurah depan, beralur, bertebing, berlembah, ganja yang tinggi dan tebal, berputing besar, berkerawang kecil dengan bunga tunggal atau dua kuntum empat kelopak.</li> </ul>	Abdul Mua'ti @ Zamri Ahmad 2015 Abdul Mua'ti @ Zamri Ahmad 2017 Mohd Noordin Ab. Hamid 2019 Nurul Fadzlin Mohd Asri & Sharil Nizam Sha'ri, 2019
Keris Sempena	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bilahnya mempunyai tiga, lima dan tujuh luk.</li> <li>Keris dengan bilah berluk tiga disebut dengan istilah Sempono Keling (disebut juga Sulok Belikung).</li> </ul>	Yuwono, 2012

- 
- Keris dengan bilah berluk lima dikenali sebagai Keris Penimbul atau Keris Apit Liang.
  - Keris berluk tujuh pula dikenali dengan nama Parungsari.
- 

Sebenarnya banyak lagi keris yang terdapat pada hari ini muncul dengan gaya dan ciri-ciri keris dari lokasi asal seperti gaya Bali, Lombok, Madura, Jawa, Semenanjung, Selatan, Bugis, Sumatera, Pattani, Sundang dan sebagainya lagi. Kepelbagaiannya jenis dan gaya ini melahirkan pula keris-keris yang digabungkan identitinya dan dilihat sangat unik dari sudut estetikanya. Kini, keris bukan lagi menjadi senjata pembunuh, ia dilihat sebagai sebuah karya yang kayadengan unsur seni dan tinggi nilai estetiknya. Khamis Mohamad (2017) dalam bukunya yang bertajuk *Mahakarya Keris* telah mengkaji bahan logam yang digunakan, menganalisis nilai kekerasan bilah keris dan meneliti benda asing dalam pembuatannya. Tokoh ini telah menyimpulkan bahawa tidak ada teknologi moden masa kini yang boleh menandingi teknologi pembuatan keris di alam Melayu. Pandai keris didapati mahir melakukan cantuman pelbagai jenis logam dan besi dan menghasilkan sejenis senjata yang penuh dengan nilai kesenian, falsafah dan terdapat unsur spiritual serta mistik.

Setiap jenis keris tersebut mempunyai identiti yang tersendiri, namun pada masa yang sama masih terdapat pengaruh antara satu sama lain. Berikut adalah rupa bentuk bagi beberapa jenis Keris Melayu Semenanjung seperti tertera dalam visual 3.

Jenis bilah Keris Melayu Semenanjung




Visual 3: Jenis Bilah Keris Semenanjung  
Sumber: Emil Bahari (2009)

Visual 3 di atas adalah jenis-jenis bilah Keris Semenanjung yang terdiri daripada bilah Bugis berluk dan sepukal, Malela berluk dan lurus, Pandai Saras lurus dan berluk, Cerita lurus, Anak Alang dan Tok Chu. Pengaruh dan persamaan yang wujud dalam setiap ciri keris berkenaan boleh dirujuk dalam Jadual 2.

#### BAHAGIAN-BAHAGIAN KERIS

Sebuah keris yang sempurna mempunyai bahagian-bahagiannya yang lengkap pada bilahnya. Dalam dunia perkerisan, ada pelbagai istilah yang digunakan bagi merujuk beberapa bahagian yang terdapat pada keris, antaranya ialah dapur, pamor, perabot, luk dan sebagainya lagi. Istilah-istilah ini juga lazim digunakan di sekitar Nusantara. Visual 4 dibawah merujuk kepada bahagian-bahagian keris sesuai dengan penerangan seperti terdapat dalam Jadual 3:



Visual 4: Bahagian-Bahagian Keris.  
Sumber: Shahrum Yub (2009)

Penerangan tentang kedudukan, bahagian dan fungsi bahagian keris diringkaskan dalam jadual berikut:

Jadual 3: Bahagian Utama Keris

<b>BAHAGIAN KERIS</b>	<b>KETERANGAN</b>
Mata	<p>Terdapat 2 pengertian bagi bahagian “mata” sebilah senjata, iaitu</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. bahan yang meliputi keseluruhan badan bilah,</li> <li>2. bahagian tepi mata yang tajam.</li> </ol> <p>Panjang dan lebar mata bergantung kepada jenis keris.</p>
Puting	<p>dikenali sebagai paksi ataupun tangkai. dibuat seiras dengan mata keris untuk dipasangkan pada hulu keris.</p>
Ganja	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ganja adalah bahagian sekeping besi yang berlubang dan dipasangkan kepada puting keris.</li> <li>• berbentuk tebal dan tumpul di hujungnya, tetapi tajam dan tirus di hujung sebelah yang lain.</li> <li>• diperbuat daripada bahan yang berbeza dengan bahan untuk membuat mata, disebut Keris Ganja Menumpang.</li> <li>• Ganja Keris Ganja Seiras dibuat terus daripada bilah keris.</li> <li>• Keris yang mempunyai ganja yang berkerawang dikenali sebagai keris ganja rawan ataupun keris ganja kerawang.</li> </ul>
Dagu	bahagian luar muka ganja.
Kepala Cicak	Ganja jika dilihat dari sisi atas didapati menyerupai seekor cicak. Pada bahagian hujung ganja yang tebal itulah disebut sebagai kepala cicak.
Leher	Bahagian cengkek yang terletak di bawah kepala cicak.
Perut	Bahagian yang berada di bawah leher.
Sepit Rotan	Bahagian yang menirus di bawah perut ganja.
Ekor	Terletak selepas sepit rotan.
Kepit	Bahagian hujung yang tajam selepas ekor pada bahagian ganja.
Aring	kerawang-kerawang yang terdapat pada bahagian hujung belakang ganja.
Gandik	Terletak berhampiran dagu ganja.
Kambing Kacang	Kambing kacang atau dikenali juga sebagai “awak” adalah bahagian yang berada pada bahagian tengah kedua-dua belah pangkal mata keris. Kedudukannya berdekatan dengan ganja.
Belalai Gajah	Belalai gajah ataupun dikenali sebagai “kuku alang” adalah puting yang melengkung menghala ke arah atas dagu ganja.
Lambai Gajah	Disebut juga “lidah tiong”, adalah puting tajam yang terletak di hujung lengkung belalai gajah.
Rigi	Bahagian bergigi seperti bentuk hujung beras.

Janggut	Kerawang-kerawang yang terletak pada bahagian bawah aring dan belalai gajah.
Tulang Keris	Garisan yang timbul di bahagian tengah kedua-dua belah mata keris.
Mata Keris	Bahagian tepi bilah tajam yang terdapat pada kiri dan kanan keris.
Pamor	Pamor adalah corak seperti garisan, bulatan, lekukan, hirisan, picitan atau bintik yang terbentuk pada bilah mata keris sewaktu proses menempa. Ia terhasil daripada campuran jenis-jenis besi yang berlainan.
Hujung Keris	Bahagian hujung mata keris yang meruncing.
Tuntung Keris	Bahagian penghujung bilah keris yang tajam.
Hulu Keris	Hulu keris adalah bahagian pemegang yang diperbuat sama ada daripada kayu, tanduk, gading atau pun tulang. Biasanya kayu yang dipilih adalah daripada kayu yang cantik seperti kayu kemuning. Ada kala hulu keris diselaputi dengan logam seperti perak atau tembaga.
Pendongkok	Dikenali juga dengan nama penongkok, dokok, dongkok, dulang-dulang keris dan juga mendak. Ia kelihatan seperti cincin yang berbentuk sekuntum bunga yang dipasang pada bahagian pangkal hulu sebagai hiasan. Biasanya pendongkok diperbuat daripada perak ataupun tembaga.
Sampir	Sampir adalah bahagian sarung keris. Bentuknya lebar, tebal, bujur dan membulat yang terletak secara melintang dan miring pada bahagian atas batang sarung. Biasanya dibuat daripada kayu yang keras dan cantik. Bahagian mulut sampir ditebuk untuk memasukkan pangkal mata keris dan bentuk sampir akan mengikuti bentuk ganja pada sesebuah keris.
Batang	Batang sarung berbentuk panjang, lurus dan ada kala berbentuk meruncing sedikit pada bahagian bawahnya. Biasanya diperbuat daripada kayu dan gading.
Buntut	Bahagian paling bawah sarung keris. Ia diperbuat daripada kayu, tulang, tanduk, gading ataupun logam dan mempunyai empat jenis bentuk iaitu, bulat tempurung, bujur sireh, bujur sangkar dan mata kapak.

(Sumber: Ubahsuai Shahrum Yub, 2009)

## FALSAFAH DISEBALIK FUNGSI DAN PERANAN KERIS

Keris adalah sebuah karya seni yang lahir daripada cetusan ilham etnik-etnik di Nusantara yang cukup halus, bernilai tinggi dan kaya dengan unsur estetiknya. Keris adalah senjata unik yang cukup dikagumi bukan sahaja oleh masyarakat kita, malah turut dikagumi oleh orang luar seperti pengkaji Barat dan pencinta keris umumnya. Menurut Mohd. Ramli Raman (2006), kedudukan keris bagi masyarakat Melayu telah mencapai satu posisi yang cukup istimewa jika hendak dibandingkan dengan senjata tajam yang lain. Pada masa ini keris telah menjadi satu benda budaya bagi masyarakat sekitar Nusantara yang diwarisi sejak berkurun lamanya.

Selain itu, pembuatan bilah keris juga mempunyai pelbagai jenis dan namanya berdasarkan daerah atau wilayah pembuatannya. Nama-nama keris ini juga mendapat nama dan identitinya daripada bahan besi yang digunakan, bentuk bilah dan empu yang menempanya. Ini dapat dilihat pada keris Pandai Saras diambil daripada empu yang berasal dari Kepulauan Jawa yang berhijrah ke Patani. Keris Melela yang popular di wilayah Kelantan dan Patani pula dibuat dari besi sebatang

yang berwarna gelap. Identitinya berlurah dan sangat estetik. Keris Bugis pula mempunyai pelbagai versi dan identiti seperti Bugis Semenanjung, Selayar Bugis serta Bugis Terengganu.

Kini terdapat ribuan jenis keris di alam Melayu khasnya di Nusantara. Menurut Bakker (1984) terdapat kira-kira lebih 400 suku bangsa atau etnik di sekitar Nusantara yang turut menerima revolusi perkembangan budaya berkeris dalam kehidupan mereka yang lalu. Kepelbagaian etnik ini turut memberi kesan kepada perkembangan jenis-jenis keris dimana setiap etnik atau suku bangsa akan menghasilkan sebuah acuan keris berdasarkan identity masyarakatnya sendiri. Malah apa yang dapat kita lihat pada hari ini, kepelbagaian jenis keris ini menunjukkan bahawa budaya berkeris ini telah menjadi satu budaya bagi masyarakat Nusantara. Justeru itu, terdapat pelbagai falsafah disebalik fungsi dan peranan yang dimainkan oleh keris. Jika dahulu keris adalah senjata mempertahankan diri, kini fungsinya lebih kepada unsur simbolik kepada peradaban bangsa Melayu yang tinggi nilai falsafahnya. Budaya Melayu Kini meletakkan fungsi dan peranan keris sebagai regalia kekuasaan (keris diraja), pelengkap busana adat dan perkahwinan, perubatan dan perbomohan, seni bela diri (silat) dan upacara-upacara lain.

Keris sebagai regalia kekuasaan menyaksikan penggunaannya sebagai simbol kuasa yang terdapat pada Sultan dan Raja-Raja Melayu. Pertabalan Yang di-Pertuan Agong dan Raja-Raja Melayu tidak akan lengkap tanpa adanya keris. Begitulah lambang kekuasaan yang ditonjolkan melalui keris. Dalam majlis perkahwinan pula, keris menjadi pelengkap kepada busana adat, digunakan oleh ‘raja sehari’ bersama busana pakaian tradisional Melayu. Tidak lengkap busana tersebut sekiranya tidak disisipkan keris di pinggang. Selain itu, keris juga sering digunakan dalam amalan rawatan dan perbomohan masyarakat Melayu walaupun tidak terdapat ciri khas terhadap keris yang digunakan tersebut. Keris digunakan dalam amalan perbomohan kerana masyarakat Melayu menganggap keris mempunyai unsur mistik dan terdapat kekuatan tersendiri yang boleh membantu dalam perubatan perbomohan.

Keris juga amat sinonim dalam dunia seni bela diri, khususnya silat. Tidak lengkap sesebuah silat itu tanpa keris. Keris persilatan boleh terdiri daripada pelbagai jenis dan digunakan sebagai latihan persilatan. Biasanya keris latihan atau disebut sebagai keris gelanggang adalah keris yang mempunyai mutu yang agak rendah berbanding keris-keris untuk tujuan lain. Menurut Khamis Mohamad, Nik Hassan Shuhaimi & Abdul Latif (2012), dalam pertarungan, senjata panjang tidak diperlukan. Apabila bersenjata, senjata tersebut perlu dihindar daripada pandangan musuh untuk tujuan mengelirukan. Hakikatnya, jika nampak, senjata itu boleh dimengertikan sebagai baik atau buruk padahnya. Jika baik, diterima dan jika buruk, harus dielak. Oleh itu, sekiranya keris itu tidak nampak, sukar ditentukan sama ada hendak diterima atau dielak. Keris digunakan dengan cara menikam, dilakukan dengan cepat, tidak nampak dan mengelirukan serta mengejutkan musuh semasa pertikaman. Itulah antara falsafah keris apabila dikeluarkan dari ‘pakaianya’. Keris dicipta dengan kedua bilah mata dan hujungnya yang tajam. Sekiranya menyerang atau mengelak serangan, keris yang bermata tiga tetap dapat dilihat oleh tuan empunya. Dalam keadaan menyerang atau mengelak ke kiri atau ke kanan atau pun tidak mengelak, mata keris masih boleh dilihat. Bentuk keris yang bersifat pendek, memudahkan ia dicabut. Begitulah falsafah keris dalam pertarungan, tidak dielak kena, dielak pun tetap kena juga.

Di Malaysia, keris juga berfungsi sebagai lambang kepada sesuatu upacara atau istiadat seperti majlis konvokesyen kebanyakan universiti-universiti tempatan dan institusi-institusi kerajaan yang lain. Keris upacara ini akan diarak sebagai melengkapi upacara tersebut. Begitulah besarnya nilai keris dalam institusi masyarakat Melayu. Menurut Helmi (2019) terdapat falsafah-falsafah tertentu dalam perbuatan seperti mengucup, menjulang dan menghunus keris. Mengucup keris bermaksud bersedia menerima sebuah tugas dan amanah dengan penuh keinsafan dan kejujuran. Menjulang keris bermaksud menjulang kuasa, kedaulatan, tanggungjawab dan keadilan

dalam menunaikan amanah. Menghunus keris pula bermaksud bertekad untuk mempertahankan bangsa, agama dan negara daripada musuh.

Seorang pengkaji Barat, Frey (2010) membincangkan kuasa dan keajaiban keris berdasarkan sejarahnya di Nusantara khususnya di Indonesia dan Malaysia. Frey (2010) mendapati bahawa orang Melayu mempercayai keris mempunyai kuasa luar biasa dan mistik. Kuasa dan keajaiban keris dipercayai berpunca daripada jenis besi yang digunakan oleh pembuat keris. Keris Mataram yang dihasilkan pada tahun 1600 masihi, contohnya, diperbuat daripada 9 jenis besi dari pelbagai tempat berlainan dan mengambil masa sehingga 17 tahun lamanya untuk disiapkan. Keris ini memerlukan masa yang lama kerana proses penempaan yang luar biasa, iaitu melakukan hanya sekali pukulan tempaan pada setiap malam jumaat. Begitu juga dengan keris Taming Sari yang dipercayai kuasa luar biasa kerana diperbuat daripada gabungan 20 jenis besi. Pandai keris biasanya dipilih oleh Raja dan mendapat tempat yang istimewa dalam masyarakat dahulu. Selalunya mereka akan berpuasa dan bertafakur sebelum proses membuat keris dijalankan.

Masyarakat Melayu memang penuh dengan falsafahnya. Dalam setiap penciptaan keris, ada tiga perkara yang diformulasikan, iaitu, falsafah, adab dan rahsia. Bangsa Melayu penuh dengan falsafah, kaya dengan adab dan sarat dengan rahsia (Emil Bahari 2009). Walaupun falsafah keris dicipta bukan dengan niat untuk membunuh, tetapi ia tetap senjata yang bila dihunuskan daripada sarungnya akan membawa malapetaka. Ini kerana perlakuan tersebut bertujuan menjaga maruah pemiliknya dan untuk mempertahankan diri (Khamis et.al 2013; Nurul Fadzlin Mohd Asri & Sharil Nizam Sha'ri, 2019). Beberapa sarjana seperti Al-Mudra (2009), Buanadjaya (1998), Duuren (1998), Frey (2010), Gardner (1973), Moebirman (1980), Pamungkas (2007) dan Shahrum Yub (2006) mempunyai pendapat yang sama. Falsafah keris dicipta dengan pelbagai tujuan, antara sebagai senjata yang boleh membunuh. Apabila keris dikeluarkan dari sarungnya, dihunus dan digunakan, ia pasti membunuh. Keris yang dikeluarkan dari sarungnya bermakna mempunyai tujuan untuk menjaga maruah tuan empu. Pada ketika ini, ia bukan lagi untuk mempertahankan diri, tetapi untuk membunuh. Keris dibuat pendek dan pelik bentuknya untuk dijadikan senjata dan alat mempertahankan diri. Bentuk keris yang sebegini sangat berbeza jika dibandingkan dengan persenjataan Melayu yang lainnya seperti pedang, tombak dan lain-lain senjata kerana perbezaan cara yang digunakan.

Menurut Khamis Mohamad, Nik Hassan Shuhaimi & Abdul Latif (2012), kaedah pembuatan keris mempunyai falsafahnya yang tersendiri. Keris dibuat berfalsafahkan kepada asal usul kejadian manusia, iaitu tanah, air, api dan angin. Falsafah kejadian manusia yang diciptakan daripada tanah, dan dilembutkan dengan air, dibakar menggunakan api dan dihembuskan dengan roh. Daripada falsafah inilah empu atau pandai besi menginspirasikan pembuatan keris daripada sumber tanah seperti besi, baja dan nikel, kemudian diadun dan ditempa dengan api dan air, dibacakan doa atau jampi mentera dengan ritual-ritual tertentu mengikut empunya keris. Apabila bilah telah siap ditempa, ia akan ditapakan selama empat puluh empat hari di kawasan paling tinggi tempat di mana ia dibuat. Falsafahnya ialah keris tersebut mempunyai nilai yang tinggi dan hebat yang tidak dapat ditandingi. Ketika pembuatan keris dilakukan, pakaian empu yang menempa keris juga mempunyai falsafahnya. Empu akan memakai pakaian serba kuning sekiranya menempa keris diraja. Sebaliknya jika keris ditempa pemilik hulubalang, empu akan memakai pakaian serba hitam dengan berbengkung merah. Jika keris ditempa untuk rakyat biasa, maka empu akan memakai pakaian biasa sahaja.

Falsafah dalam pemakaian keris pula berbeza antara masyarakat Melayu dengan masyarakat Jawa. Keris disisipkan di pinggang bahagian hadapan bagi masyarakat Melayu dengan memberikan falsafah bahawa ketuhanan keris lebih utama daripada diri sendiri dan menandakan pemakainya sudah bersedia menghadapi sebarang kemungkinan. Berbeza pula dengan pemakaian

keris masyarakat Jawa yang dipakai pada bahagian belakang pinggang. Pemakaian cara ini berfalsafahkan tentang keadaan yang menuntut pemiliknya sentiasa berwaspada. Keris hanya akan dicabut dari sarungnya ketika diperlukan sahaja dan ia juga bertujuan untuk mengelirukan musuhnya. Namun begitu, terdapat persamaan falsafah antara masyarakat Melayu dan Jawa dalam menentukan kedudukan hulu keris ketika dipakai di pinggang. Apabila hulu keris dihadapkan ke arah badan, maka ia bermaksud tujuan si pemakai datang secara aman, tetapi jika hulunya berada pada kedudukan keluar, ia bermaksud si pemakai memberi amaran bahawa dia bersedia untuk bertarung. Begitu juga adab ketika memasuki istana dan mengadap Sultan, hanya keris berhulukan Jawa Demam dan Pekaka sahaja dibenarkan. Dalam masyarakat Jawa hanya keris yang bersampir Ladrang sahaja dibenarkan memasuki keraton. Begitulah tingginya falsafah pemakaian keris masyarakat Nusantara ketika itu.

Dari segi penggunaan pula, penciptaan keris dibuat dengan falsafah mudah diubahsuai mengikut keselesaan tuan empunya. Bilah keris boleh dipusingkan ke kanan mahupun ke kiri mengikut keperluan. Bahagian hulu keris pula direka bentuk supaya sesuai digenggam pada tangan kanan mahupun tangan kiri pemakai. Bilahnya boleh dicabut dan dipakaikan sebagai tombak ataupun lembing. Bagi pengamal ilmu kebatinan dan persilatan, keris yang ditempa biasanya dicampur dengan logam seperti emas atau besi kuning. Falsafahnya adalah untuk memberikan kekuahan kepada bilah keris. Apabila berhadapan dengan musuh yang mempunyai kekuatan mistik dan memiliki ilmu kebal, keris tersebut boleh membunuh lawannya.

Penjagaan keris oleh masyarakat Melayu turut mempunyai falsafahnya yang tersendiri. Lazimnya keris akan dibungkus dengan kain kuning dan ditempatkan di tempat yang tinggi. Keris akan dicuci atau dimandikan pada awal bulan Muharram kerana bulan tersebut dianggap sebagai bulan ilmu. Keris akan dimandikan dengan limau dengan ritual-ritual tertentu. Salah satu sebab adalah untuk menjaga bilah keris daripada rosak akibat karat dan sebagainya disamping ritual-ritual jampi mentera digunakan untuk memantapkan lagi pengisian pada keris ataupun khadam yang berada dalam keris tersebut. Unsur inilah yang mempengaruhi kekuatan mistik sesebuah keris tersebut. Kedatangan Islam ke Nusantara sedikit sebanyak turut mempengaruhi unsur pembuatan keris selepas itu. Selain dari segi konsep angka ganjil yang terdapat pada bilah luk-luk keris disamakan dengan bilangan ganjil yang terdapat pada rukun Islam, bilangan tawaf, rukun sembahyang dan sebagainya, terdapat juga keris yang diukir ayat-ayat al-Quran pada bilah dan sarungnya. Bahagian hulu keris pula turut mengalami perubahan apabila ditukar dari bentuk figura binatang dan dewa-dewa ke bentuk alam semula jadi yang lain selaras dengan ajaran Islam itu sendiri. Effendy (2008) telah menggariskan sepuluh simbol yang menjadi teras kepada falsafah perkerisan dalam masyarakat Melayu seperti Jadual 4.

Falsafah keris daripada perspektif kaca mata masyarakat Melayu bukan sekadar hanya sebagai alat mempertahankan diri sahaja, tetapi ia berkaitan dengan soal maruah dan prinsip. Menurut Hanizah Jonoh (1997) yang memetik petikan dalam Tuhfat Al-Nafis mengatakan bahawa Raja Haji Ahmad dan Raja Haji Ali telah meriwayatkan tentang kisah Dahing Ringgik yang telah menikam tentera Belanda yang cuba merampas keris beliau. Penulis juga turut merakamkan kisah yang serupa pernah tercatat dalam sejarah Johor sekitar tahun 1824 berkaitan Residen Singapura John Crawfurd ketika itu telah menyuarakan pendapat untuk mengharamkan penggunaan senjata tajam. Namun, cadangan tersebut ditolak oleh Sultan dan Temenggong Johor ketika itu kerana dalam masyarakat Melayu tempatan, keris merupakan sebahagian daripada elemen kelengkapan diri. Tanpa menyisipkan keris di pinggang, mereka diibaratkan seperti bertelanjang (Hill 1956).

Jadual 4: Simbol dan Falsafah Keris dalam Masyarakat Melayu

<b>SIMBOL KERIS</b>	<b>FALSAFAH</b>
Tuah dan Maruah	Setiap keris yang baik mengandungi nilai-nilai, kekuatan atau keutamaan tertentu yang dapat menjadi kekuatan batiniah dan lahiriah yang hakikatnya menjadi lambang tuah dan maruah.
Simbol Kejantanan	Keris dipercayai memiliki kekuatan yang dapat meningkatkan rasa berani, keperkasaan dan percaya diri yang wujud daripada kejantanan atau kelakian.
Harga Diri	Keris dipercayai mengandungi nilai-nilai harga diri atau kewibawaan pemiliknya.
Jati Diri	Keris dipercayai mengandungi nilai-nilai jati diri pemiliknya dengan kepelbagaiannya bahan pembuatannya dan simbol-simbol yang terkandung di dalamnya.
Simbol Daulat (Wibawa dan Kekuasaan)	Keris mengandungi nilai-nilai dan kekuatan yang dapat mengekalkan daulat, wibawa dan kekuasaan pemiliknya.
Simbol Batang Tubuh	Keris mewakili batang tubuh pemiliknya kerana dalam upacara atau keperluan tertentu ia menjadi ‘wakil’ pemiliknya.
Senjata	Keris dicipta secara khususnya untuk dijadikan senjata utama.
Penjaga Diri	Keris menjadi penjaga diri, iaitu memelihara diri pemilik dan kaumnya atau keluarganya daripada berbagai-bagai cabaran dan marabahaya, baik pada lahiriah maupun batiniah.
Pembantu dalam berbagai-bagai bidang	Keris memiliki kekuatan atau nilai yang dapat membantu dalam berbagai-bagai bidang kehidupan sehari-hari.
Pakaian	Oleh sebab keris mempunyai berbagai-bagai keutamaan, nilai dan simbol berserta falsafahnya, maka keris dijadikan ‘pakaian’ sepanjang hidup.

(Sumber: Ubahsuai Effendy, 2008)

Menurut Khamis Mohamad, Nik Hassan Shuhaimi & Abdul Latif (2012), bilah keris dicipta berdasarkan falsafah penggunaan dengan cara menikam, menyangga dan menusuk lawan. Secara fizikalnya bilah keris mempunyai dua bahagian mata yang tajam di kiri dan kanannya dengan hujung bilah yang menirus. Falsafah penggunaannya ketika bertarung, ianya dapat dihindarkan dari pandangan lawan dengan tujuan untuk mengeliru serta mengejutkan lawan, tetapi tetap dapat dilihat oleh empunya keris ketika menyerang dan mengelak serangan lawan. Bilah keris mempunyaiimbangan yang baik dan membolehkan ia didirikan tanpa ditopang. Keseimbangan bilah ini berfalsafahkan kepada sifat kekuatan, kekuahan dan kestabilan ketika ia digunakan. Hanif Ibrahim (2017) menyatakan bahawa kedudukan bilah keris mesti sendeng dari kanan ke kiri. Falsafahnya adalah menunduk. Apabila melihat keris dari hadapan, maka jelas terlihat ia seolah-olah sedang tunduk atau rukuk. Falsafah ini berdasarkan kepada ajaran Islam di mana hambaNya tunduk kepada Allah S.W.T. Tuhan yang Maha Esa.

Keris ditempa dengan pelbagai falsafah pada bilahnya. Keris adalah senjata unik dengan pelbagai bentuk bilah. Bilah-bilah ini pula mempunyai ricikan dan hiasan yang cukup estetik mengikut kreativiti empu keris dan tidak terdapat pada mana-mana jenis senjata lain. Menurut Haryoguritno (2005), anatomi atau ricikan adalah hiasan pada bilah keris yang mempunyai empat bahagian, iaitu, (1) bahagian tangkai bilah atau disebut sebagai puting, (2) atas bilah iaitu ganja,

93) pangkal bilah yang dipanggil sor-soran dan (4) bahagian tubuh bilah yang disebut awak-awakan, pucuk atau hujung bilah. Puting adalah asas kepada kekuahan bilah keris, tanpa puting (pesi) bilah tidak akan tegap dan hulu tidak boleh dipasang. Menurut Khamis Mohamad, Nik Hassan Shuhaimi & Abdul Latif (2012), ganja atau juga dikenali sebagai cicak serta bahagian pada pangkal bilah banyak mempamirkan pelbagai reka bentuk seni yang halus dicipta oleh empu sewaktu penempaan. Doyodipuro (1999) telah menyenaraikan 380 corak (motif) pada keris lurus dan 439 corak pada keris berluk mengikut tangguh, tayuh dan juga pasikutannya. Haryoguritno (2005) menyatakan bentuk seni yang terdapat pada keris adalah bungkul (bawang), kembang kacang, jalen (taji ayam) dan tikel alis yang diambil daripada sumber alam semulajadi flora dan fauna dalam falsafah pembuatannya. Falsafah kepada kekuatan dan kegagahan pula dapat dilihat pada bentuk belalai gajah, manakala bentuk cicak pula menunjukkan falsafah sentiasa berwaspada terhadap perkara di sekeliling pada setiap masa.

Dari sudut jenis reka bentuk, keris dicipta berdasarkan kepada dua falsafah ini iaitu ‘sarpa tapa’ dan ‘sarpa lumuka’. Keris yang bentuk bilahnya lurus dicipta dengan falsafah ‘sarpa tapa’ iaitu ibarat ular yang sedang bertapa. Empunya keris bersifat tegas dan berdisiplin tinggi. Apabila keris jenis ini dihunus dari sarungnya, ia bukan lagi untuk berbicara tetapi untuk membunuh dengan cepat dan ringkas. Bagi keris yang berbilah luk pula berfalsafahkan ‘sarpa lumuka’ iaitu, bagaikan ular yang sedang menjalar. Ini membawa maksud keris berluk boleh membunuh lawan dengan cepat dan kejam. Apabila bilah keris berluk telah menikam lawan, ianya dicabut dengan cara menyerong ke kanan dan ke kiri seperti menghiris dengan tujuan mendapatkan kesan maksimum daripada tikaman yang boleh merobekkan lawan (Khamis Mohamad, Nik Hassan Shuhaimi & Abdul Latif 2012).

Falsafah bagi keris berluk pula terbentuk dengan bilangan luk yang ada pada bilahnya. Keris lurus ataupun berluk satu adalah keris untuk tujuan khusus, keris adat atau sebagai lambang tauhid (Hanif Ibrahim 2017). Keris yang berluk tiga biasanya digunakan oleh pendekar atau panglima (Khamis Mohamad, Nik Hassan Shuhaimi & Abdul Latif 2012; Hanif Ibrahim 2017). Hanif Ibrahim (2017) menyatakan bahawa keris berluk tiga juga turut digunakan oleh orang kebanyakan, manakala keris berluk lima digunakan oleh ulama. Empunya keris berluk 5 selalunya dikaitkan dengan kepetahannya berbicara (Khamis Mohamad, Nik Hassan Shuhaimi & Abdul Latif 2012). Namun begitu, di wilayah Kepulauan Jawa suatu ketika dahulu, Keris berluk lima hanya boleh dimiliki oleh Raja, pengera dan kerabat diraja seperti para bangsawan, adipati dan bupati yang memiliki garis keturunan diraja sahaja. Ia juga disebut sebagai keris Keningratan. Falsafah penggunaanya adalah sebagai keris yang membawa tuah dan menjaga wibawa kekuasaan pemiliknya (Christopher 2012).

Keris berluk tujuh pula melambangkan kewibawaan dan karisma dalam pemerintahan (Khamis Mohamad, Nik Hassan Shuhaimi & Abdul Latif 2012). Oleh itu, keris berluk tujuh ini kebiasaannya dipakai oleh golongan besar kanan di Istana seperti laksamana dan panglima (Hanif Ibrahim 2017). Dalam masyarakat Jawa, keris berluk tujuh adalah lambang kepada kesempurnaan Ilahi. Ia biasanya digunakan oleh orang-orang yang menganggap kehidupan dunia winya sudah pun sempurna dan menekuni kehidupan kerohanian sahaja (Christopher 2012). Keris berluk sembilan mencerminkan kebijaksanaan dan wibawa kepimpinan empunya ia turut dipakai oleh golongan Raja dan pemerintah sebagai lambang kuasa (Khamis Mohamad, Nik Hassan Shuhaimi & Abdul Latif 2012; Hanif Ibrahim 2017). Namun begitu Menurut Christopher (2012) dalam tulisannya menyatakan bahawa keris berluk sembilan biasanya dipunyai oleh para pendita atau tokoh masyarakat.

Keris dengan bilah berluk sebelas menunjukkan bahawa pemiliknya bercita-cita tinggi dalam kemajuan kehidupan ekonomi dan social, sementara falsafah keris berluk tiga belas pula

menunjukkan pemiliknya mempunyai keberanian mempertahankan hak miliknya daripada dirampas dan sanggup mati kerananya demi mempertahankan maruah (Khamis Mohamad et al. 2012). Namun begitu, kajian Christopher (2012) mendapati bahawa angka tiga belas dalam masyarakat jawa mempunyai maksud yang kurang baik, sial, musibah atau malapetaka. Justeru itu, pembuatan keris berluk tiga belas bertujuan untuk menolak segala musibah, sial dan malapetaka kepada pemiliknya. Ia juga dibuat untuk tujuan kesaktian dan wibawa kekuasaan.

Selain itu, falsafah luk pada bilah keris juga dikira dari kiri dan habis juga di kiri. Ini kerana setiap luk keris akan berakhir di sebelah kiri. Jika luk berakhir di sebelah kanan, maka sifat keris itu dikira cacat. Luk keris mesti berangka ganjil kerana ia membawa maksud kelemahan, sementara angka genap pula ialah kesempurnaan. Kelemahan disini membawa maksud bahawa manusia (hamba) yang bersifat lemah dan hanya Allah s.w.t. sahaja yang bersifat dengan kesempurnaan. Namun begitu, terdapat juga keris yang berluk genap yang menandakan bahawa itulah keris terakhir yang ditempa oleh empu keris (Hanif Ibrahim 2017).

Menurut Haryoguritno (2005), pamor pada bilah keris adalah lukisan atau lakaran simbolik yang membawa penjelasan mengenai daya atau kekuatan ghaib yang terdapat pada bilah keris. Empu yang mencipta pamor keris berdasarkan kepada falsafah-falsafahnya yang tersendiri di mana setiap bentuk pamor mempunyai tujuan dan harapan peribadi pemiliknya. Menurut Harsrinuksmo (2004) falsafah disebalik bentuk pamor yang bulat atau berlingkar adalah untuk menarik rezeki dan ketenteraman. Pamor yang berbentuk segi empat atau bersudut melambangkan kekuatan dan ketahanan pemiliknya daripada godaan ataupun serangan berbentuk fizikal mahupun bukan fizikal (ghaib). Sementara pamor yang berbentuk garis-garis bujur atau melintang pula berfungsi sebagai tangkal yang menolak segala unsur-unsur jahat, guna-guna dan serangan binatang buas dan berbisa.

Pamor yang diminati oleh masyarakat Melayu umumnya adalah pamor beras tumpah atau dikenali sebagai wos wutah dan hujan emas atau udan mas. Falsafah disebalik pamor beras tumpah ini ialah keselamatan dan ketenteraman pemiliknya di samping rezeki yang melimpah ruah dan disayangi orang. Falsafah yang terdapat disebalik pamor hujan emas adalah kekayaan yang mencurah bagaikan hujan. Keris berpamor ini sering dicari oleh pedagang atau peniaga yang mempercayai kehebatannya. Justeru, setiap pamor mempunyai falsafah yang berbeza mengikut kesesuaian status si pemakainya. Keris harus disesuaikan dengan pemiliknya dan ianya tidak boleh dimiliki dengan sewenang-wenangnya tanpa ‘tayuhan’ terlebih dahulu. Setiap keris mempunyai pengisian tertentu, tuah dan buruk yang perlu difahami daripada pelbagai bentuk pamor. Dalam ilmu perkerisan, ‘perjodohan’ adalah istilah yang sering digunakan untuk merujuk kepada keserasian di antara keris dan pemiliknya (Khamis Mohamad, Nik Hassan Shuhaimi & Abdul Latif 2012).

Begitulah kehalusan falsafah yang ada pada sebuah keris yang menunjukkan ianya bukan semata senjata sahaja tetapi ia adalah lambang kepada keluhuran adab dan budaya masyarakat Nusantara dalam kehidupannya. Ianya satu-satu senjata yang diangkat martabatnya dalam keseluruhan kehidupan masyarakat. Terdapat pelbagai rahsia dan falsafah dalam sebuah keris yang menceritakan nilai peradaban yang cukup tinggi statusnya.

## KESIMPULAN

Keris merupakan artifak kesenian Melayu yang cukup tinggi darjatnya. Melalui keris kita boleh melihat keindahan, kemurnian dan kehalusan budaya serta ketinggian peradaban Melayu. Melaluinya juga kita dapat melihat falsafah, pemikiran dan cara kehidupan masyarakat Melayu yang amat tertib. Di alam Melayu, keris adalah simbolik kepada identiti atau jati diri agama dan

bangsa. Orang Melayu dahulu menggunakan keris dalam busana harian mereka. Tanpa keris, mereka tidak akan keluar rumah kerana ia dianggap sebagai satu bentuk pemakaian yang tidak sempurna atau tidak lengkap. Malah, cara tersebut dianggap amat memalukan sehingga dikonotasikan sebagai “keluar rumah dalam keadaan bertelanjang”. Waktu dahulu setiap orang Melayu memiliki sekurang-kurangnya tiga buah keris iaitu keris pusaka, keris pangkat dan keris perjuangan dirinya sendiri. Jadi, melalui usul keris pusaka, dapat dikenal pasti asal usul, pangkat & peranan seseorang itu.

Begitulah halusnya falsafah yang terdapat pada sesebuah keris itu di mana ia bukan hanya sekadar senjata tetapi ia adalah manifestasi identiti kepada bangsa Melayu yang tinggi nilai peradabannya. Kini falsafah dan fungsinya disimpan kemas. Tiada lagi orang Melayu yang keluar dari rumah dengan berkeris, tiada lagi orang Melayu menggunakan keris sebagai senjata mempertahankan diri kecuali di gelanggang-gelanggang silat. Keris kini fungsinya lebih kepada simbolik dalam sesuatu upacara. Namun nilai falsafahnya yang tinggi tetap tersisip kemas dalam peradaban orang Melayu dan tidak mungkin dapat dipisahkan dari kamus sejarah kehidupan masyarakat Melayu. Kesimpulannya, keris adalah identiti bangsa. Untuk mengenal bangsa Melayu, maka kenalilah keris kerana di dalamnya penuh dengan falsafah peradaban Melayu.

## RUJUKAN

- Abdul Mua’ti @ Zamri Ahmad. 2017. *Keris Melayu Semenanjung: Rupa Bentuk Keris Mengikut Negeri*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Abdul Mua’ti @ Zamri Ahmad. 2015. *Keris Melayu Semenanjung: Suatu Pengenalan*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Al-Mudra, M. 2004. *Keris dan Budaya Melayu*. Yogyakarta: Balai Kajian dan Pengembangan Budaya Melayu.
- Al-Mudra, M. 2009. Melacak Asal-Usul Keris dan Peranannya dalam Sejarah Nusantara. *Sari* 27: 27-44
- Bakker, J.W.M. 1984. *Filsafat Kebudayaan: Sebuah Pengantar*. Yogjakarta: Kanisius.
- Buanadjaya, B.S. 1998. *Keris Nusantara - Pamor, Nuansa Estetis & Pesona Esoteris*. Solo: C.V. Aneka.
- Christopher, T. 2012. *Spiritual keris lurus dan keris luk*. <https://sites.google.com/site/thomchrists/Keris-Jawa-Spiritual-Kebatinan/keris-lurus-dan-keris-luk>. (Dilayari pada Jun 02, 2022).
- Dedi Arman. 2014. *Keris Melayu*. <https://kebudayaan.kemdikbud.go.id/bpnbkepri/keris-melayu/>. (Dilayari pada Jun 01, 2022).
- Duuren, D.v. 1998. *The Keris - An Earthly Approach to A Cosmic Symbol*. Wijk en Aalburg, The Netherlands: Pictures Publishers.
- Effendy, T. 2008. *Keris dalam budaya Melayu Riau*. Seminar Keris Nusantara: Bengkel Keris Melayu. Anjuran Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Kuala Lumpur, 13-14 November.
- Emil Bahari. 2009. *Semangat keris Melayu: menjawab persoalan ada apa dengan keris?*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Frey, E. 2010. *The Kris: Mystic Weapon of the Malay World*. Edisi ke-3. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad.
- Gardner G.B. 1936. *Keris and Other Malay Weapon*. Edisi ke-2. Singapore: Progressive Publishing Co.
- Gardner, B.B. 1973. *Keris and Other Malay Weapons*. East Ardsley, Wakefield: EP Publishing Limited.

- Hanif Ibrahim. 2017. *Pusaka, Rahsia dan Dzat Keris*. <https://www.thepatriots.asia/4275/>. (Dilayari pada Jun 01, 2022).
- Hanizah Jonoh. 1997. *Senjata-Senjata Di Zaman Kesultanan Melayu Johor*. Kuala Lumpur: Yayasan Warisan Johor/Bosshouse Sdn. Bhd.
- Harsrinuksmo, B. 1988. *Ensiklopedi budaya nasional: Keris dan senjata tradisional Indonesia lainnya*. Jakarta: Cipta Adi Pustaka.
- Harsrinuksmo, B. 2004. *Ensiklopedi Keris*. Jakarta: Gramedia.
- Haryono Haryoguritno. 2005. *Keris Jawa - Antara Mistik dan Nalar*. Jakarta: PT Jayakarta Agung Offset.
- Helmi, E. 2019. *Sejarah Dan Falsafah-Falsafah Keris*. <https://www.thepatriots.asia/sejarah-dan-falsafah-falsafah-keris/>. (Dilayari pada Jun 03, 2022).
- Hill, A.H. 1956. The keris and other Malay weapons. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society* 29 (4): 7-67.
- John W. Creswell. 2015. *Educational Research: Planning, Conducting, and Evaluating Quantitative and Qualitative Research*. Edition 5. Pearson.
- Kamus Dewan Edisi Empat. 2005. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khamis Mohamad, Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman & Abdul Latif Samian. 2012. Falsafah Perkerisan Dalam Masyarakat Melayu. *International Journal of The Malay World and Civilisation (Iman)* 30 (1): 105-119.
- Khamis Mohamad & Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman. 2013. Keris: Falsafah Dan Isu Masa Kini. *International Journal of The Malay World And Civilisation (Iman)* 1 (2): 45-53.
- Khamis Mohamad. 2017. *Mahakarya Keris*. Kuala Lumpur: MEPSB Enterprise.
- Ki Hudoyo Doyodipuro, Occ. 1999. *Keris: Daya Magic-Manfat-Tuah-Misteri*. Jakarta: Penerbit Dahara Prize.
- Karsten, S.J. 1998. *Den Indonesiske kris: et symbolladet våben*. Devantier, Næstved. Denmark.
- Miksic, J.N. & Tranchini, M. 1990. *Borobudur: Golden Tales of the Buddhas*. Hong Kong: Periplus Editions (HK) Limited.
- Moebirman. 1980. *Keris - Senjata Pusaka*. Jakarta: Yayasan ‘Sapta Karya’.
- Mohd Noordin, Ab. Hamid. 2019. *Keris Kelantan*. Slaid. Persidangan Keris Antarabangsa 2019 - Keris Sebagai Lambang Jati Diri Rumpun Melayu Nusantara. Jabatan Warisan Negara Dengan Kerjasama Muzium Negeri Terengganu Dan Persatuan Purba Terengganu. Dewan Batu Bersurat Muzium Terengganu.
- Mohd. Ramli Raman, 2006. *Raksi Keris: Filsafat Melayu*. Prosiding Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu. Anjuran Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Petaling Jaya 8-9 November.
- Monika Kostera, Nancy Harding. 2021. *Organizational Ethnography*. Edward Elgar Publishing.
- Nurul Fadzlin Mohd Asri & Sharil Nizam Sha’ri. 2019. Keris Melayu Semenanjung: Suatu Pengenalan oleh Abdul Mua’ti @ Zamri Ahmad, dlm. JAUHAR: Jilid 3: Bil. Ii: Oktober 2019: 34-38.
- Pamungkas, R. 2007. *Mengenal Keris - Senjata ‘Magis’ Masyarakat Jawa*. Yogyakarta: Penerbit Narasi.
- Raffles, T.S. 2008. *The History of Java*. ptrj. Prasetyaningrum, E., Agustin, N., Mahbubah, I.Q. eds. Simanjuntak, H. & Santosa, R.B. Jakarta, Narasi.
- Sabitha Marican. 2005. *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*. Prentice Hall/Pearson Malaysia.
- Shahrum Yub. 1991. *The keris & other short weapons*. Kuala Lumpur: Museum Association of Malaysia.

- Shahrum Yub. 2006. *Mata Keris & Bentuknya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka
- Shahrum Yub. 2009. *Keris Melayu: Petekan daripada syarahan2*. Kuala Lumpur: Jabatan Muzium Malaysia, Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia.
- Utusantv.com. 2022. *Keris Picit: kehebatan seni Melayu menundukkan besi*. <https://utusantv.com/2022/04/28/keris-picit-kehebatan-seni-melayu-menundukkan-besi/>. (Dilayari pada Mei 31, 2022).
- Woolley, G.C. 1998. The Malay Keris: Its Origin and Developement. Dlm *The Keris and Other Malay Weapons*, pty. Hill, A.H., Woolley, G.C., Keith, H.C., Laidlaw, G.M., Gardner, G.B., Banks, E. & Abu Bakar Pawanchee, 93-136. Kuala Lumpur: Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society (MBRAS).
- Yuwono, B.T. 2012. Keris Palembang (Sebuah Kajian Fisual Terhadap Keris Palembang). *Ornamen* 9 (2): 1-32.
- Zakaria Abdullah. 2007. *Rahsia Keris dan Senjata Warisan Melayu*. Kota Bahru: D Warisan Darul Naim.

NOR AFIAN YUSOF\*  
Pusat Pengajian Citra Universiti  
Universiti Kebangsaan Malaysia

MAHARAM MAMAT  
Pusat Pengajian Citra Universiti  
Universiti Kebangsaan Malaysia

LIM KAR KENG  
Pusat Pengajian Citra Universiti  
Universiti Kebangsaan Malaysia

HAMDZUN HARON  
Pusat Pengajian Citra Universiti  
Universiti Kebangsaan Malaysia

\*Pengarang untuk surat menyurat: [affian@ukm.edu.my](mailto:affian@ukm.edu.my)

Received: 3 August 2021 / Accepted: 3 February 2022 / Published: 9 December 2022